

1963: Mesyuarat pertama Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji



TIMBALAN Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein pada mesyuarat pertama ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji di Kuala Lumpur pada 29 Disember 1963. Turut hadir Ketua Menteri Melaka, Ghafar Baba. Perbadanan itu yang ditubuhkan pada November 1962 dan mula beroperasi pada 30 September 1963 kemudian ditukar nama kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Tabung Haji) pada tahun 1969 berikutan perluasan fungsinya.